

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual dan Rang Undang-Undang (RUU) Profesional Kerja Sosial dan bilakah kedua-dua RUU ini akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedua-dua draf RUU GS dan RUU PKS telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan satu pasukan projek khas yang terdiri daripada pihak berkepentingan meliputi pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan isu-isu spesifik berkaitan gangguan seksual dan profesion kerja sosial. Penglibatan dan konsultasi dengan pelbagai pihak ini telah banyak membantu dalam mempercepatkan lagi proses penyediaan draf RUU tersebut.

Bagi draf RUU PKS, ia kini di peringkat akhir penggubalan sebelum dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Draf berkaitan kesalahan dan penalti telah disemak oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara pada bulan Januari 2020.

Berhubung RUU GS pula, draf awal RUU telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Januari 2020 untuk pemakluman pihak mereka. Sebagai tindakan susulan, KPWKM pada 7 Februari 2020 telah mengadakan satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, BHEUU, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan ahli-ahli pasukan khas yang membantu menggubal RUU ini. Melalui mesyuarat tersebut, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan pada draf RUU GS dan pada masa kini ia sedang di fasa akhir penyediaan dan pengemaskinian oleh KPWKM.

Berdasarkan perancangan asal, kedua-dua RUU ini dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen sekitar bulan Mac 2020. Namun demikian, mengambil kira perubahan struktur Kerajaan terkini, cadangan penggubalan kedua-dua RUU tersebut perlu dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan semasa. Selain itu, beberapa perubahan juga perlu dibuat ke atas

**SOALAN NO. : 37**

perancangan asal penggubalan RUU ini berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19.

Kementerian merancang untuk membentangkan bacaan pertama kedua-dua RUU GS dan RUU PKS dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas tahun 2020 yang dijangka pada hujung tahun ini.